

26/09/1998

Agong lancar biografi adik

KUALA LUMPUR, Jumaat - Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar hari ini melancarkan buku biografi adik baginda, Tunku Abdullah, bertajuk A Passion For Life.

Majlis itu yang diadakan di Istana Negara, turut dihadiri Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah.

Buku itu yang ditulis anak bongsu Tunku Abdullah, Tunku Halim, mengisahkan riwayat hidup Tunku Abdullah sejak remaja hingga berjaya dalam perniagaan.

Buku setebal 244 halaman itu mengandungi 16 bab yang antara lain menceritakan cabaran Tunku Abdullah yang berusia 73 tahun itu sebagai putera raja, ahli politik dan ahli perniagaan.

Beberapa peristiwa menarik turut dimuatkan, terutama pengalamannya ketika di Jepun sewaktu Perang Dunia Kedua hingga kemerdekaan dan penubuhan Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam kata-kata aluannya berkata: "Saya mengesyorkan buku ini kerana ia adalah cara yang baik untuk mengetahui sejarah menerusi kehidupan seseorang yang pernah mengalaminya. Tunku Abdullah melalui warna-warni kehidupan itu sepenuhnya."

Hasil jualan buku edisi terhad itu akan disalurkan ke Tabung Kebajikan Buah Pinggang MAA-Medicare manakala royalti yang diterima Tunku Halim akan didermakan kepada Yayasan Sultanah Bahiyah.

Sebanyak 200 buku cetakan edisi terhad kini dijual dengan harga RM500 dan kira-kira 2,000 naskah lagi dijual dengan harga RM49.90 yang diterbitkan oleh All Media Publications Sdn Bhd.

Pada majlis itu, Seri Paduka turut menyampaikan buku edisi terhad kepada dua dermawan, iaitu Tan Sri Abu Zarim Omar dan Ketua Eksekutif Kumpulan MBf, Loy Teik Ngan.

Orang ramai yang berminat boleh mendapatkan buku itu di semua kedai buku utama di seluruh negara.

(END)